

SOALAN NO. 34**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan pembangunan yang diagihkan bagi setiap kawasan Parlimen di bawah Unit ICU di bawah Jabatan Perdana Menteri dan senaraikan jumlah peruntukan yang telah diagihkan bagi jenis pembangunan di Parlimen Batu Kawan dari tahun 2013 sehingga kini.

61

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Behormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Dari tahun 2013 sehingga kini, sebanyak 474 program/projek bernilai RM4.26 juta telah diluluskan untuk pelaksanaan di kawasan Parlimen Batu Kawan. Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek berkenaan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan. Kelulusan program/projek mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL PROJEK	KOS (RM JUTA)
2013	33	0.30
2014	23	0.32
2015	115	0.63
2016	135	0.89
2017	168	2.12
JUMLAH	474	4.26

Sekian, terima kasih.